



Pemangku Rektor UIA, Prof Dr Ariffin Suhaimi (kanan) menerima wang tunai US\$25,000 sumbangan peribadi Raja Hussein Jordan disampaikan

oleh Duta Jordan ke Pakistan, Mejar Jeneral Majed Al-Haj Hassan (kiri) disaksikan oleh isterinya, Puan Widah Majed.

## Dr M: Kita perlu pelbagaikan hubungan dengan negara luar

PARIS, Isnin — Malaysia perlu mempelbagaikan hubungan dengan dunia luar bagi meningkatkannya keupayaannya mengimbangkan kedudukan dengan lain-lain negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang kini bercuti dua minggu di Eropah, berkata di sini bahawa hubungan yang terlalu bergantung kepada negara tertentu seperti United Kingdom, Amerika Syarikat atau Jepun mungkin menyebabkan negara-negara itu antara lain mempengaruhi ekonomi dan politik Malaysia.

Berucap kepada rakyat Malaysia di kediaman Duta Besar Malaysia di sini malam tadi, beliau berkata dengan sebab itulah Malaysia perlu meningkatkan hubungannya dengan Perancis dengan cara yang memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara.

Dalam hubungan ini, tambahnya, eksport Malaysia ke Perancis kurang daripada importnya dan dengan itu negara perlu meningkatkan eksport walaupun menghadapi kesulitan kerana adanya dasar Perancis yang mempertahankan pasaran barangnya.

Jika Perancis mahu mengadakan hubungan yang bermakna ia mesti-

lah juga membuka pasarnya kepada Malaysia, tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan pasaran yang dimaksudkan bukan lagi semata-mata bagi barangan mentah seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit tetapi juga barang-barang pengeluaran yang lain seperti barang-barang pembuatan.

Beliau berharap pada masa akan datang Malaysia akan mempunyai lebih banyak barang pembuatan untuk dieksport ke sini bagi menambah kemasukan tukaran asing.

Datuk Seri Dr Mahathir mengakui yang taraf hidup di Malaysia adalah

jauh lebih rendah daripada Perancis tetapi ini, katanya, tidak bermakna yang perkara itu tidak boleh diubah kerana ia lebih bergantung kepada daya pengeluaran rakyat sendiri.

"Jika rakyat rajin berusaha mengeluarkan lebih banyak barang perdagangan kita akan dapat menerima lebih banyak kekayaan yang membawa kepada peningkatan taraf hidup," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat supaya lebih rajin berusaha dalam mencapai matlamat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata beliau akan melakukan lawatan rasmi ke Perancis awal tahun depan.